



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

ISSN : 2289-9537

IQRA

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

www.facebook.com/library.uitm www.instagram.com/ptaruitm perpustakaanuitm.blogspot.my

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Kuala Lumpur World Book Capital 2020

MS
02



PROGRAM PEMBUGARAN NILAM @ PTAR
PUNCAK PERDANA, UITM SELANGOR

MS
08



LIBRARY OUTREACH @ PERPUSTAKAAN
SULTANAH BALDRISHAH, UITM KEDAH

MS
14



BENKEL SPEED READING @ PERPUSTAKAAN
AL- BUKHARI, UITM PAHANG

MS
16



1ST INTERNATIONAL CONFERENCE ON
BELT AND ROAD 2020, UITM SARAWAK

MS
21



MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANA KUALA LUMPUR WORLD BOOK CAPITAL 2020 (KLWBC 2020) PERINGKAT PERPUSTAKAAN UNIVERSITI AWAM

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Shah Alam

Disediakan oleh : Mohd Alfarabie



Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Kuala Lumpur World Book Capital 2020 (KLWBC 2020) telah diadakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Shah Alam pada 13 Januari 2020.

Mesyuarat disertai seramai 23 pegawai dari perpustakaan Universiti Awam telah di pengerusikan oleh Ts Noor Hidayat Adnan, Ketua Pustakawan, juga selaku pengerusi Jkuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam. Turut hadir Sekretariat KLWBC 2020, Puan Anita Mohd Jali, Puan Zaiton Abu Samah dan En Khairul Azwari B Ahmat Yatim.

TAKLIMAT ASAS PERANCANGAN STRATEGIK DAN PERANCANGAN STRATEGIK UITM (2020-2025) : 8 JANUARI 2020

Lokasi : Bilik Seminar, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Shah Alam

Disediakan oleh : Mohd Alfاربة



Bahagian Perancangan Strategik & Kualiti, PTAR telah menganjurkan Taklimat Asas Perancangan Strategik dan Perancangan Strategik UITM (2020-2025) yang ditelah disampaikan oleh PM Ts. Dr. Mohamad Faizul Yahya pada 8 Januari 2020 di Bilik Seminar, PTAR Shah Alam.

Objektif taklimat ini dianjurkan adalah untuk:

- Memberi kefahaman yang jelas mengenai asas penyediaan perancangan strategik.
- Mendapat penerangan yang jelas mengenai Perancangan Strategik UITM agar inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan adalah selari dengan universiti.

BENKEL PENYEDIAAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) JABATAN/ BAHAGIAN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK : 9 JANUARI 2020

Lokasi : Bilik Seminar, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Shah Alam



Bahagian Perancangan Strategik & Kualiti, PTAR telah menganjurkan Bengkel Penyediaan KPI Jabatan/ Bahagian yang ditelah disampaikan oleh Ts. Noor Hidayat bin Adnan, Ketua Pustakawan dan Puan Aznur Umiza Abu Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan pada 9 Januari 2020.

Objektif bengkel ini dianjurkan adalah untuk menetapkan sasaran KPI Perpustakaan UITM termasuk kampus cawangan, jabatan dan bahagian mengikut penstrukturan baharu yang ditetapkan.



LIVE FB PROGRAM SHARING SESSION WITH INSTITUT TEKNOLOGI BANDUNG, INDONESIA STUDENTS @ PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Shah Alam telah menerima lawatan akademik dari pelajar ITB Bandung dan Jawatankuasa Kolej Teratal ke PTAR bagi melihat kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Lawatan melibatkan seramai 20 orang pelajar ITB Bandung Indonesia dan 5 oran JPK Kolej Teratal.

Bahagian Komunikasi Korporat dengan kerjasama Unit Web Media UITM telah mengadakan inisiatif khas iaitu sesi perkongsian melalui medium Fblive selama satu jam Bersama pelajar ITB dan berkongsi maklumat tentang lawatan mereka ke UITM dan perpustakaan yang dikendalikan oleh Puan Siti Rohayu Mohd Yusof, Pustakawan Kanan PTAR pada 9 Januari 2020. Jumlah penonton (view) yang menonton secara maya didalam program tersebut adalah seramai 729 penonton.



PROGRAM SEMBANG INDUSTRI LIVE @PTAR BERSAMA DEKAN FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI @PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



Program sembang Industri merupakan sebuah program yang dirancang oleh Bahagian Komunikasi Korporat PTAR bertujuan bagi mempromosi kepakaran di UiTM secara siaran langsung. Selain itu, program ini juga membantu Fakulti dalam mempromosikan fakulti melalui saluran Fblive.

Bahagian Komunikasi Korporat dengan kerjasama Unit Web Media UiTM telah mengadakan sesi LIVE@PTAR melalui medium Fblive selama satu jam Bersama Dekan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, Prof Madya Dr Asmah Awal. Beliau telah berkongsi maklumat tentang kepakaran dan kebolehpasaran graduan Fakulti serta mempromosi Fakulti kepada warga UiTM dan komuniti setempat. Program Sembang santai Industri ini dikendalikan oleh Encik Jamalludin Haji Sulaiman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PTAR. Program yang diadakan pada 09 Januari 2020 telah ditonton (view) secara maya dengan lebih 2600 view.

LIVE
STREAMING

**PROGRAM SIARAN LANGSUNG BERSAMA
PAKAR LIVE @PTAR**

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin

REC 00:00:20:05

PROGRAM SIARAN LANGSUNG BERSAMA

**PAKAR
LIVE@PTAR**

Tajuk : Biomass & Biofuel; Climate Change; Food Security
diadakan di

LIVE uitmrasmii
"Like, Comment & Share"

21 JANUARI 2020 / SELASA
3:00 PETANG
RUANG SANTAI BELAJAR, ARAS 3
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UITM SHAH ALAM

1920X1080 25 FPS

Panel: DR. MEISAM TABATABAEI
PENYARAH KANAN
FAKULTI PERLADANGAN DAN AGROTEKNOLOGI

Moderator: PUAN EZA ELIANA ABDUL WAHID
PUSTAKAWAN KANAN
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UITM SHAH ALAM



Satu Program Bicara Pakar telah diadakan pada 21 Januari 2020. Program ini merupakan sebuah program yang dirancang oleh Bahagian Komunikasi Korporat PTAR bertujuan bagi mempromosi kepakaran di UITM secara siaran langsung. Pada program bersama Pakar pertama kali ini, tetamu jemputan adalah Dr. Meisam Tabatabaei, Pensyarah Kanan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, pakar bidang Biomass & Biofuel; Climate Change; Food Security. Pakar tersebut telah mengupas isu-isu berkaitan biomassa dan perubahan iklim bagi menunjukkan kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar.

Program Bicara Pakar ini dikendalikan oleh Puan Eza Eliana Abdul Wahid Pustakawan Kanan PTAR, telah ditonton (view) secara maya dengan lebih 2800 penonton.



**PROGRAM SIARAN LANGSUNG BERSAMA PAKAR LIVE
@PTAR ANJURAN KURSI INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU
DENGAN KERJASAMA PERPUSTAKAAN TUN ABDUL
RAZAK, UTM SHAH ALAM**

Disediakan oleh : Mohd Ismail Abidin



Satu Program Bicara Pakar telah diadakan pada 30 Januari 2020 bertajuk Wacana Isu Semasa Perjanjian Damai Hat Yai 1989: PKM Menyerah Diri? Program anjuran Kursi Institusi Raja-Raja Melayu dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak bertujuan bagi mengulas berkalatan Perjanjian Damai Hatyal 1989. Ianya disampaikan oleh Ybhg Tan Sri Musa Hassan, Bekas Ketua Polis Negara.

Program Bicara pakar ini dikendalikan oleh Ybhg Datuk Zainal Kling telah ditonton (view) secara maya dengan lebih 13000 penonton.

PROGRAM PEMBUGARAN NILAM DAN HARI NILAM 1 SELANGOR PERINGKAT SEKOLAH 2020

Lokasi : Sekolah Kebangsaan Seri Pristana, Saujana Utama

Disediakan oleh : Nurul Diana Jasni



Program ini merupakan satu usaha pihak sekolah dalam memberi galakan kepada murid untuk menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca di kalangan warga sekolah. Setinggi rasa bangga kerana Puan Nurul Diana Jasni, Timbalan Ketua Pustakawan Perpustakaan UITM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam telah dijemput oleh pihak sekolah untuk menyampaikan ceramah "Galakan Membaca" seterusnya merasmikan Program Pembugaran Nilam dan Hari Nilam 1 Selangor Peringkat Sekolah 2020 oleh pihak Sekolah SK Seri Pristana. Adalah diharapkan melalui Program Nilam ini, seluruh warga sekolah dapat memaksimumkan penggunaan pusat sumber sekolah dalam menjadi agen berkhidmat sebagai agen berpusat untuk memperoleh, menghasil, mengorganisasi serta mengedarkan bahan-bahan pelajaran dan pembelajaran yang diperlukan oleh murid-murid dan warga pendidik. Semoga jalinan kerjasama baik pihak sekolah dan Perpustakaan UITM Cawangan Selangor tidak terhenti dan akan terus terjalin di program-program akan datang.

PENDEKATAN PTDI MELALUI AKTIVITI SCAVENGER HUNT

Lokasi : Dewan Sri Perla, UITM Cawangan Johor, Kampus Segamat

Disediakan oleh : Sifi Rozana binti Mat Sanat



Sesi: Aktiviti Scavenger Hunt



Sesi: Aktiviti Selfie di Tapak Pameran Perkhidmatan Perpustakaan Digital



Sesi: Taklimat mengenai PTDI dan Scavenger Hunt

Satu sesi taklimat perpustakaan kepada pelajar interim telah diadakan di Dewan Sri Perla dengan kehadiran seramai 142 orang pelajar. Bagi memastikan taklimat ini lebih berkesan, aktiviti scavenger hunt dilaksanakan dengan pelbagai pengisian berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan.

Para pelajar telah diberi tugas dimana mereka perlu berkunjung ke PTDI 1 dan PTDI 2, dengan mengenalpasti perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Mereka turut diberi panduan bagi menggunakan Chat With Librarian agar sebarang pertanyaan berkaitan perpustakaan dan perkhidmatan rujukan digalakkan menggunakan saluran Chat With Librarian.

Bagi aktiviti Scavenger Hunt mereka dikehendaki untuk mendapatkan apa jua maklumat yang berkaitan seperti artikel daripada majalah, jurnal, projek pelajar dan menulis ringkasan buku yang telah dipinjam. Melalui aktiviti seperti ini, kita dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar, sekaligus dapat memudahkan mereka untuk mencari serta menggunakan bahan rujukan dan perkhidmatan yang terdapat di PTDI.

Peserta juga perlu mengakses Facebook PTDI UITM JOHOR bagi memuatnaik gambar aktiviti, nama serta kod program. Melalui platform ini, pihak PTDI dapat berkomunikasi secara atas talian dan secara langsung para pelajar boleh mendapatkan informasi yang terkini.

BENKEL PENGHURAIAN TUGAS (JOB DESCRIPTION)

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM, Kampus Kuala Pilah

Disediakan oleh : Iskandar Zailan



29 – 30 Januari 2020 | PTAR Kampus Kuala Pilah telah menganjurkan bengkel penghuraian tugas (job description) yang diadakan di Makmal Komputer 2, PTAR Kampus Kuala Pilah dan dihadiri semua staf PTAR Kampus Kuala Pilah. Taklimat bengkel telah disampaikan oleh Pn Hj. Wan Norizan Wan Mansor, Timbalan Ketua Pustakawan dan En Mohd Hafiz Kasirun, Pustakawan Kanan. Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk mengstruktur semula unit dan mengemaskini penghuraian tugas staf PTAR Kampus Kuala Pilah bagi melancarkan gerak kerja staf.

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN KEPADA PELAJAR INTERIM SESI 2020

Lokasi : Dewan Kuliah 200, UITM Kampus Kuala Pilah



31 Januari 2020 | Taklimat perpustakaan modul LSC100 – Introduction to library system kepada pelajar baharu interim sesi 2020 telah diadakan di Dewan Kuliah 200, UITM Kampus Kuala Pilah. Taklimat berlangsung jam 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan taklimat telah disampaikan oleh En Mohd Hafiz Kasirun, Pustakawan Kanan. Objektif taklimat adalah untuk memberi pengenalan mengenai perkhidmatan dan kemudahan PTAR Kampus Kuala Pilah.

PROGRAM "COOKING FOR DIET – BETTER FOOD BETTER MOOD" : 22 JANUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Bertam

Disediakan oleh : Nurhayati Hassan



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam telah mengadakan program Cooking for Diet – Better Food Better Mood. Antara objektif program ini adalah untuk memupuk gaya pemakanan sihat, berkongsi tips penyediaan menu sihat dan menggalakkan pinjaman buku dikalangan peserta dan juri awam.

Program Cooking for Diet ini telah disertai oleh 12 orang peserta dikalangan pensyarah dan stafpentadbiran. Sebagai syarat untuk menyertai pertandingan ini, mereka perlulah meminjam buku masakan yang terdapat di Perpustakaan sebagai rujukan untuk penyediaan menu pada hari pertandingan dan juga sebagai sokongan kepada program Read@Uni dan Dare to Fit.

Pemenang pertandingan ini adalah Encik Muhammad Azwan bin Azir dan Puan Siti Salwa Binti Talib (Kumpulan Dua) dengan menu "Grilled Shrimp with Potatoes and Green Peas Puree". Kesemua peserta amat berbakat dan kreatif dalam mengolah resipi dan mempersembahkan hasil masakan masing-masing. Sila layari Facebook Perpustakaan Uitm Bertam untuk lihat koleksi ga bar-gambar sekitar program ini.



INTERIM MODULE REFRESHMENT CLASS : 13 JANUARI 2020

Lokasi : Pusat IT, PTAR Kampus Permatang Pauh

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



Bertempat di Pusat IT, PTAR Kampus Permatang Pauh, telah diadakan satu kelas untuk pegawai-pegawai yang akan terlibat dalam mengendalikan kelas Interim bagi bulan Februari 2020. Kelas ini telah dikendalikan oleh Encik Nurulizwan Bin Amir dan disertai seramai 12 orang staf PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang yang terdiri daripada Pustakawan Kanan, Pustakawan, Pembantu Pustakawan Kanan dan Pembantu Pustakawan Unit Perkhidmatan Maklumat. Kelas ini diadakan untuk memastikan semua staf yang terlibat dengan kelas interim nanti akan lebih bersedia dengan maklumat-maklumat yang perlu disalurkan kepada pelajar-pelajar baru.

READ@UNI: "SPEED READING TECHNIQUES" : 30 JANUARI 2020

Lokasi : Aras 1, PTAR Kampus Permatang Pauh



Bengkel disertai oleh seramai 24 orang staf PTAR UiTM Kampus Permatang Pauh dan Kampus Bertam ini telah disampaikan oleh Cik Nor Azilawati Mohamad Azmi selaku fasilitator bengkel. Bengkel ini diadakan untuk memperkenalkan teknik bacaan pantas kepada semua peserta supaya ianya dapat diaplikasikan dan digunakan oleh peserta dalam usaha menggalakkan mereka membaca. Selain daripada itu, peserta juga didedahkan dengan kaedah-kaedah bacaan pantas dan juga dibekalkan dengan pelbagai jenis latihan untuk memperkasakan kaedah bacaan pantas masing-masing. Di akhir bengkel, peserta telah dapat memperbaiki mutu bacaan masing-masing selain mempelajari teknik-teknik yang betul untuk membantu bacaan pantas di masa akan datang.

BICARA SANTAI SUKAN : 21 JANUARI 2020

Lokasi : Aras 1, PTAR Kampus Permatang Pauh UITM Cawangan Pulau Pinang

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



Bertempat di aras 1, PTAR Kampus Permatang Pauh UITM Cawangan Pulau Pinang, telah diadakan satu program Bicara Santai Sukan yang dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Sukan dan Kebajikan Kakitangan (PSKK) dan PTAR UITM Cawangan Pulau Pinang.

Bicara Santai Sukan telah menjemput Tuan Haji Bahman Jamaluddin, Penyarah Fisioterapi, Fakulti Sains Kesihatan daripada UITM Kampus Bertam yang membicarakan tentang kecederaan-kecederaan yang terjadi ketika bersukan dan bagaimana cara menangani kecederaan tersebut.

Seorang lagi panel program ialah Encik Abdul Gaffar Hoosen yang merupakan bekas pemain bola sepak Pulau Pinang yang kini menjadi jurulatih futsal Pulau Pinang. Slot beliau dipenuhi dengan perkongsian pengalaman beliau semasa menjadi pemain bola sepak dan sebagai jurulatih futsal.

Program ini dihadiri oleh seramai 50 orang ahli PSKK dan diadakan dengan tujuan untuk berkongsi maklumat dan pengalaman tentang hal berkaitan sukan secara amnya.

BENKEL PELAKSANAAN STANDARD RDA PUITM

Lokasi : Perpustakaan Sultan Badlishah, UITM Cawangan Kedah

Disediakan oleh : Mohd Amiruddin Mohd



Sesi penerangan pelaksanaan Standard RDA PUITM



Kakitangan perpustakaan membuat latihan RDA secara 'hands-on'

Unit Perancangan & Pembangunan Perpustakaan, Perpustakaan Sultan Badlishah, telah menjalankan satu bengkel pelaksanaan Standard RDA yang melibatkan semua kakitangan perpustakaan. Bengkel ini telah dilaksanakan selama 2 hari di Sudut IT, Perpustakaan Sultan Badlishah dan disampaikan oleh En.Mohd Amiruddin Mohd Nasir. Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah untuk memberi latihan kepada semua kakitangan perpustakaan berkaitan pelaksanaan RDA. Kaedah latihan secara 'hands-on' digunakan bagi memudahkan pemahaman oleh semua peserta bengkel

PROGRAM PEMANTAPAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN: LIBRARY OUTREACH

Lokasi : Perpustakaan Sultan Badlishah, UITM Cawangan Kedah



Sesi bergambar bersama kakitangan Perpustakaan Sultan Badlishah, UITM Cawangan Kedah



Sesi penerangan perkhidmatan perpustakaan oleh En. Jamalludin Sulaiman (Timbalan Ketua Pustakawan Kanan)

Perpustakaan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, telah menerima kunjungan dari Perpustakaan Tun Abdul Razak, bagi pelaksanaan Program Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan: Library Outreach yang diketuai oleh En. Jamalludin Sulaiman (Timbalan Ketua Pustakawan Kanan), En. Norhazlan Bin Nordin (Timbalan Ketua Pustakawan) dan Tn Hj. Ahmad Faizar Bin Jaafar, (Pustakawan Kanan). Tujuan pelaksanaan program ini adalah bagi menyampaikan maklumat berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan serta memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan terkini agar dapat diselaraskan di semua perpustakaan cawangan.

PROGRAM BICARA IMAN : TADABBUR SURAH AL- IKHLAS

Lokasi : Ruang Bicara Ilmu, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UiTM Cawangan Perlis

Disediakan oleh : Hamzah Sakri



Penceramah dari ACIS

Al-fadil Ustaz Khalid bin Ismail

Peserta Program Tadabbur Surah al-Ikhlash

Program Bicara Iman : Tadabbur Surah Al-Ikhlash telah diadakan pada 23 Januari 2020 (Khamis), bertempat di Ruang Bicara Ilmu, Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan, UiTM Cawangan Perlis. Ia merupakan aktiviti bulanan secara terbuka yang dijalankan oleh Jawatankuasa Tazkirah perpustakaan. Program ini bertujuan untuk menggalakkan warga universiti mendekati diri dengan al-quran serta dapat mengeratkan hubungan silaturrahim.

Bagi sesi pertama tahun 2020, pihak Jawatankuasa telah bersetuju untuk mengadakan tadabbur surah-surah pendek, dimulai dengan surah al-ikhlas. Program tadabbur ini dipimpin oleh al-fadhil ustaz Khalid bin Ismail salah seorang pensyarah dari ACIS. Program ini disertai oleh 32 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai bahagian.

Surah al- ikhlas ini terdiri daripada 4 ayat dan menekankan tentang 'penyucian diri', bermaksud membersihkan jiwa seseorang dari kepercayaan bukan Islam seperti paganism, animism dan kemusyrikan. Antara fadhilat dan kelebihan surah al-ikhlas ini ialah, dapat menjauhkan diri daripada gangguan iblis dan syaitan, mendapat ganjaran seperti membaca 1/3 dari al-quran, mendapat pahala dan dosa diampunkan Allah.

BENKEL "SPEED READING" PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI (PAB)

Lokasi : Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka

Disediakan oleh : Roshairi bin Che Razali



Pada 31 Januari 2020, telah berlangsungnya Bengkel "Training of Trainers (TOT) Speed Reading" bertempat di Perpustakaan Al-Bukhari (PAB). Bengkel ini di sampaikan oleh Puan Nurfarawahidah binti Badruesham yang merupakan Pustakawan Kanan di PAB. Bengkel ini dijalankan atas inisiatif pengurusan perpustakaan sendiri yang mana mendapati ada keperluan untuk staf PAB sendiri dan pada masa yang sama memberi kemahiran baru kepada staf. Intipati modul menekankan cara pembacaan laju, cara pembacaan yang betul dan latihan anak mata. Tujuannya adalah untuk melatih staf menjadi seorang pembaca yang berkemahiran dalam adab pembacaan.

Dengan adanya bengkel seperti ini juga, staf dapat meningkatkan kemahiran membaca iaitu dari segi teknik membaca dan dalam masa yang sama memahami setiap bacaan yang dilakukan walaupun dengan bacaan yang pantas. Ia juga membantu staf membaca dengan mudah dan dalam masa yang sama mendapat pemahaman yang menyeluruh hasil dari teknik pembacaan yang betul. Kemahiran seperti ini yang perlu dipelajari dan dibuat dari masa ke semasa. Seramai 23 orang staf PAB menyertai bengkel tersebut dalam usaha untuk memahirkan diri masing-masing dalam menguasai teknik bacaan pantas ini.

BENKEL TRAINING OF TRAINERS (TOT) ASAS FASILITATOR

Lokasi : Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka

Disediakan oleh : Roshairi bin Che RazaliNasir



Pada 31 Januari 2020 telah berlangsungnya Bengkel Asas Fasilitator bersama Encik Mohamad Naim bin Haji Jamaludin, Pegawai Psikologi dari Unit Kaunseling UITM Jengka bertempat di Perpustakaan Al-Bukhari. Bengkel ini dijalankan bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kemahiran dan memberi lebih pendedahan kepada staf Perpustakaan Al-Bukhari dalam mengendalikan aktiviti pelajar UiTM dan palajar dari sekolah-sekolah luar. Staf juga dapat mempertingkatkan kemahiran dan mempelajari teknik yang betul untukdigunakan ketika menjadi fasilitator dalam apa jua program di uitm terutama di perpustakaan itu sendiri sama ada program uitm atau sekolah luar supaya maklumat dan aktiviti yang dilakukan dan dijalankan sampai pada matlamat dan ditetapkan. Seramai 23 orang staf termasuk pegawai Perpustakaan Al-Bukhari menyertai bengkel ini.

BENKEL PEMURNIAN LATIHAN & STATISTIK EISV2

Lokasi : Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka



Pada 31 Januari 2020 telah berlangsungnya Bengkel Pemurnian Latihan & Statistik EISv2 bersama staf Perpustakaan Al-Bukhari yang telah disampaikan oleh Puan Norfitriah Mat Seman, Pustakawan Kanan di bilik IT PAB. Bengkel dimurnikan dengan pelbagai kaedah dan teknik baru bagi melancarkan tugasan hakiki semua staf PAB kearah kecemerlangan. Staf juga diajar cara-cara pengumpulan data bagi kegunaan Sistem EISv2 serta merekod latihan setiap bulan dengan dilakukan secara atas talian. Dengan cara ini, staf akan lebih berkemahiran serta mudah untuk mengemaskini maklumat yang diperlukan. Bengkel ini disertai seramai 23 orang staf termasuk pegawai PAB.

BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UiTM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



PAMERAN AMAN PALESTIN

Tarikh : 10 Januari 2020

Tempat : Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka

Pada 10 Januari 2020 telah berlangsungnya pameran Aman Palestin dan jualan poskad di Perpustakaan Al-Bukhari. Selain itu peti sumbangan disediakan bagi membantu kelangsungan hidup dan keperluan rakyat palestini. Pameran yang berlangsung selama sebulan ini diadakan di ruang legar perpustakaan. Pameran buku perpustakaan juga diadakan berdasarkan pameran yang dijalankan dan daripada koleksi perpustakaan yang dipilih berdasarkan koleksi bacaan umum bertujuan untuk mempromosikan bahan bacaan yang ada di perpustakaan. Jumlah buku yang dipamerkan membabitkan sejumlah 30 naskah bahan bacaan.

BERITA BERGAMBAR PERPUSTAKAAN UITM

Aktiviti Perpustakaan

Lawatan

Pameran



LAWATAN DARI POLITEKNIK KOTA BHARU, KELANTAN

Tarikh : 10 Januari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak Aras 12, UITM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya telah menerima kunjungan pelawat seramai 29 orang dari Politeknik Kota Bharu, Kelantan. Delegasi berkesempatan untuk melihat keadaan sekitar perpustakaan dan kemudahan yang ada di dalam perpustakaan termasuk kemudahan digital yang disediakan. Selain itu, mereka juga berkesempatan melihat rumah kecil Little Free Library UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya. Cik Ilya Nur Fateen Othman, telah menerangkan segala perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya.

LAWATAN PENANDAARASAN PTAR UITM CAWANGAN MELAKA KE
PTAR UITM CAWANGAN SELANGOR, KAMPUS PUNCAK ALAM

Tarikh : 22 Januari 2020

Tempat : Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam

Kunjungan hormat ini dilaksanakan dengan objektif untuk mengeratkan hubungan antara PTAR dan Fakulti, berkongsi maklumat mengenai perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan serta mendapatkan maklumbalas fakulti bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan Perpustakaan Tun Abdul Razak. En. Jamalludin Sulaiman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, yang mengetuai kunjungan hormat ini telah memberi taklimat dan berkongsi maklumat mengenai perkhidmatan PTAR.

BENGKEL PENYEDIAAN DESKRIPSI TUGAS PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UITM CAWANGAN TERENGGANU

Lokasi : Perpustakaan Cendekiawan, UITM Cawangan Terengganu

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah

Tarikh: 13 Januari 2020, Isnin

Tempat: Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu

Anjuran: Perpustakaan cendekiawan UITM Cawangan Terengganu

Penceramah En. Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan

Penglibatan: Semua Staf Perpustakaan Cendekiawan UITM Cawangan Terengganu

Objektif program:

01

Mengemaskini senarai tugas dan maklumat terkini setiap staf perpustakaan untuk disenaraikan dalam template Deskripsi Tugas.

Mengenalpasti sasaran tugas utama setiap staf selepas penstrukturan semula organisasi perpustakaan.

02

03


Meningkatkan kefahaman dalam melaksanakan tugas harian.



MAJLIS (MOU) UiTM SARAWAK DENGAN SARAWAK ENERGY BERHAD (SEB) DAN GLOBAL CHINA CENTER (GCC) : 15 JANUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Sarawak

Disediakan oleh : Hapsah Suut



Rektor UiTM Sarawak Prof Dato Dr Jamil Hamali menandatangani bagi pihak UiTM Sarawak manakala Sarawak Energy Berhad diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Datu Sharbini Suhail dan Pusat China Global oleh Pengarah Eksekutifnya Yang Chengcheng yang disaksikan oleh Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Datuk Amar Dr James Masina

UiTM Sarawak memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Global China Center (GCC) pada Persidangan Antarabangsa (1st International Conference on Belt and Road 2020) yang dianjurkan bersama oleh Universiti Teknologi MARA Sarawak, Persatuan ACEC dan Universiti Wuzi Beijing pada 15 Januari 2020 bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Samarahan 2

Rektor UiTM Sarawak Prof Dato Dr Jamil Hamali menandatangani bagi pihak UiTM Sarawak manakala Sarawak Energy Berhad diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Datu Sharbini Suhail dan Pusat China Global oleh Pengarah Eksekutifnya Yang Chengcheng yang disaksikan oleh Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Datuk Amar Dr James Masing .

Objektif MoU antara Sarawak Energy Berhad adalah untuk mewujudkan hubungan kerjasama dan memudahkan inisiatif dalam Program Duta Kampus SEB yang bertujuan untuk mewujudkan dan meningkatkan asas bagi kerjasama dan kerjasama. MoU antara Pusat China Global bertujuan untuk membawa lebih banyak universiti China, untuk bekerjasama dengan universiti tempatan untuk mencapai pengiktirafan kredit program; selain daripada mewujudkan lebih banyak peluang di masa depan.

Semasa persidangan dua hari ini, terdapat hampir 200 peserta dari pelbagai negara seperti Malaysia, Brunei, China, Filipina, Indonesia, Thailand, Singapura dan Yemen. Persidangan ini dimulakan kerana kita semua menyedari betapa pentingnya tali pinggang dan inisiatif jalan raya dalam menggerakkan pembangunan di Sarawak.

PAMERAN ReQaseni : @ 17 - 19 JANUARI 2020

Lokasi : Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Sarawak

Disediakan oleh : Hapsah Suut



Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak telah mengadakan pameran ReQaseni Vol.14 yang bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Kampus Samarahan 2. Pada edisi kali ini, seramai 81 pelajar semester 5 telah menyertai pameran yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula dari 17 sehingga 19 Januari 2020. Mereka terdiri daripada 47 pelajar Jabatan Grafik dan Media Digital dan 34 pelajar daripada Jabatan Seni Halus.

Pameran kali ke-14 ini bertemakan INSIGHT, di mana cetusan idea diinspirasikan daripada dua perkataan; iaitu "IN" dan "SIGHT". Jika diperhalusi maksud perkataan ini, ia bertitik tolak daripada perasaan yang digarap melalui cetusan rasa daripada pancaendera apabila melihat objek yang mengandungi mesej tersirat, lalu memberi ilham untuk bertindak secara kritis dan kreatif. Dan pada kali ini, tema yang diberi keutamaan kepada pameran pelajar adalah bertemakan tema bebas dan self-interest.

Idea yang teretus daripada tema ini melahirkan pelbagai ilham dan inspirasi kepada 81 orang pelajar daripada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Cawangan Sarawak iaitu 47 orang pelajar adalah daripada Jabatan Grafik dan Media Digital yang fokus kepada 4 aspek utama di dalam pembelajaran iaitu; Advertising, Digital Illustration, Multi Media dan Corporate Design manakala 34 orang pelajar lagi adalah daripada Jabatan Seni Halus yang karya mereka terdiri daripada Painting, Print Making, Sculpture dan Drawing.

Majlis Perasmian Pameran ReQaseni Vol.14 diadakan pada hari Sabtu 18 Januari 2020, pukul 12:00 tengah hari bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Kampus Samarahan 2. Majlis dirasmikan oleh Rektor UiTM Cawangan Sarawak Prof. Dato Dr Jamil Haji Hamali, dan Dekan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Prof. Ts. Dr. Ruslan Abdul Rahim.

BENKEL SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) : 20 - 21 JANUARI 2020

Lokasi : Bilik IT Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Kampus Samarahan 2

Disediakan oleh : Hapsah Suut



Pada 20 dan 21 Januari 2020, Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Sarawak telah mengadakan Bengkel Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Penetapan Sasaran Kerja Tahunan SKT bagi tahun 2020 di Bilik mesyuarat PTAR Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2. Bengkel ini telah disertai oleh 30 orang kakitangan yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan kumpulan sokongan. Objektif bengkel SKT ini ialah untuk menyelaraskan dan menetapkan SKT jabatan bagi Tahun 2020 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan dan juga menetapkan sasaran kerja bagi tahunan.

BENKEL MYPORTFOLIO : 22 - 24 JANUARI 2020

Lokasi : Bilik IT Perpustakaan Tun Abdul Razak, UITM Kampus Samarahan 2



Bertempat di Bilik IT PTAR Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 pada 22 sehingga 24 Januari 2020 telah diadakan Bengkel MyPortfolio Peringkat Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Sarawak. Bengkel ini telah menghimpunan seramai lebih kurang 30 staf yang terdiri dari ketua serta staf setiap unit atau bahagian untuk membincang dan merangka tugas serta fungsi setiap unit atau bahagian di Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Sarawak. Melalui bengkel ini juga mereka yang terlibat akan mempelajari fungsi, tugas, peranan, tanggungjawab dan penyediaan Myportfolio setiap unit atau bahagian. Bengkel tersebut telah diberi tunjuk ajar, taklimat dan penerangan oleh pegawai, Puan Norhati Ismail, Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Nur Afeqah Abdullah, En. Abang Mohamad Farizan Bin Abang Yakup, Pustakawan Kanan, En. Khairil Baharom Rosli, Khairunniqmah Binti Othman, Cik Dayang Azimah Abang Yusuf, Pustakawan.